

PAXLOVID FILM COATED TABLET

Nirmatrelvir 150 mg and Ritonavir 100 mg

RiMUP serial number to NPRA (R1/3) 30092024/184, as per BOH query.

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Paxlovid
2. Bagaimana Paxlovid berfungsi
3. Sebelum menggunakan Paxlovid
4. Cara menggunakan Paxlovid
5. Semasa menggunakan Paxlovid
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Paxlovid
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Paxlovid

Paxlovid ialah sejenis ubat antivirus yang digunakan untuk merawat penyakit COVID-19 tahap ringan hingga sederhana.

COVID-19 berpunca daripada jangkitan virus. Paxlovid digunakan pada orang dewasa berumur 18 tahun ke atas yang tidak memerlukan bantuan oksigen tambahan, serta berisiko lebih tinggi untuk jangkitannya berkembang menjadi COVID-19 yang teruk hingga menyebabkan kemasukan ke hospital atau kematian.

Anda mesti merujuk kepada doktor sekiranya keadaan anda tidak bertambah baik atau anda berasa semakin teruk semasa menerima rawatan Paxlovid.

Bagaimana Paxlovid berfungsi

Paxlovid menghentikan pembiakan virus dalam sel, seterusnya menghentikan pembiakan virus di seluruh badan. Ini dapat membantu badan anda melawan jangkitan virus tersebut dan membolehkan kesihatan anda bertambah baik dengan lebih cepat.

Paxlovid mengandungi bahan aktif nirmatrelvir dan ritonavir. Nirmatrelvir bertindak aktif melawan virus yang menyebabkan COVID-19. Ritonavir berperanan memanjangkan kesan terapeutik nirmatrelvir.

Sebelum menggunakan Paxlovid

- Bila tidak boleh menggunakan

- jika anda alah kepada nirmatrelvir, ritonavir atau mana-mana bahan kandungan lain dalam ubat ini.
- jika anda menghidap penyakit hati atau buah pinggang yang teruk
- jika anda sedang mengambil mana-mana ubat berikut. Pengambilan Paxlovid dengan ubat-ubatan ini boleh menyebabkan kesan sampingan yang serius atau mengancam nyawa atau mempengaruhi mekanisme tindakan Paxlovid:
 - alfuzosin (digunakan untuk merawat gejala pembengkakan prostat)
 - ranolazine (digunakan untuk merawat sakit dada kronik [*angina*])
 - neratinib, venetoclax (digunakan untuk merawat kanser)
 - amiodarone, bepridil, dronedarone, encainide, flecainide, propafenone, quinidine (digunakan untuk merawat penyakit jantung dan menangani degupan jantung yang tidak teratur)
 - fusidic acid (digunakan untuk merawat jangkitan bakteria)
 - colchicine (digunakan untuk merawat *gout*)
 - astemizole, terfenadine (digunakan untuk merawat alahan)
 - lurasidone, pimozide (digunakan untuk merawat *schizophrenia*)
 - quetiapine (digunakan untuk merawat *schizophrenia*, keceluaran *bipolar*, kemurungan teruk dan pemikiran atau perasaan yang tidak normal)
 - silodosin (digunakan untuk merawat pembengkakan prostat benign)
 - eplerenone, ivabradine (digunakan untuk merawat kegagalan jantung, iaitu keadaan yang berlaku apabila jantung tidak dapat mengepam darah yang mencukupi ke bahagian badan yang lain)
 - eletriptan, ubrogepant (digunakan untuk merawat sakit kepala migrain)
 - dihydroergotamine, ergonovine, ergotamine, methylergonovine (digunakan untuk menghentikan pendarahan berlebihan yang mungkin berlaku selepas bersalin atau pengguguran kandungan)
 - cisapride (digunakan untuk melegakan masalah perut yang tertentu)
 - voclosporin (digunakan untuk mengurangkan tindak balas imun tertentu)
 - lovastatin, simvastatin, lomitapide (digunakan untuk merendahkan paras kolesterol darah)
 - finerenone (digunakan untuk merawat penyakit buah pinggang kronik)
 - naloxegol (digunakan untuk merawat sembelit pada pesakit yang menerima ubat penahan sakit jenis opioid)
 - avanafil, vardenafil (digunakan untuk merawat *erectile dysfunction* [juga dikenali sebagai mati pucuk])
 - sildenafil (Revatio®) digunakan untuk merawat *pulmonary arterial hypertension* (tekanan darah tinggi dalam arteri paru-paru)
 - midazolam yang diambil melalui mulut (digunakan untuk melegakan keresahan dan/atau masalah tidur)
 - flibanserin (digunakan untuk merawat keinginan seksual)

PAXLOVID FILM COATED TABLET

Nirmatrelvir 150 mg and Ritonavir 100 mg

- yang rendah dalam kalangan wanita belum menopaus)
- tolvaptan (digunakan untuk merawat sista dalam buah pinggang)
- carbamazepine, phenobarbital, primidone, phenytoin (digunakan untuk mencegah dan mengawal sawan)
- rifampicin (digunakan untuk merawat penyakit batuk kering)
- lumacaftor/ivacaftor (digunakan untuk merawat *cystic fibrosis*)
- St. John's Wort (*Hypericum perforatum*) (ubat herba yang digunakan untuk menangani kemurungan dan keresahan)

Jangan berikan Paxlovid kepada kanak-kanak dan remaja bawah umur 18 tahun kerana Paxlovid masih belum dikaji terhadap kanak-kanak dan remaja.

- Sebelum mula menggunakan Paxlovid

Beritahu doktor anda sekiranya anda sedang menghidap atau pernah menghidap penyakit hati atau buah pinggang. Jika anda menghidap penyakit buah pinggang tahap sederhana, anda memerlukan dos Paxlovid yang lebih rendah. Jangan ambil Paxlovid sekiranya anda menghidap penyakit hati atau penyakit buah pinggang yang teruk.

Jika anda telah diberitahu oleh doktor anda bahawa anda tidak tahan (*intolerance*) terhadap sesetengah jenis gula, sila hubungi doktor anda sebelum mengambil produk perubatan ini.

Tiada maklumat yang mencukupi untuk memastikan bahawa Paxlovid selamat digunakan semasa hamil, malah tidak diketahui sama ada Paxlovid akan membahayakan bayi anda semasa

anda hamil. Jika anda hamil, anda tidak disyorkan untuk menggunakan Paxlovid, melainkan keadaan klinikal anda memerlukan rawatan ini.

Jika anda hamil, mengesyaki anda hamil atau merancang untuk hamil, sila minta nasihat doktor anda. Jika anda berpotensi hamil, anda disyorkan agar menahan diri daripada melakukan aktiviti seks, atau anda hendaklah menggunakan kontraseptif penghalang yang berkesan semasa mengambil Paxlovid dan sehingga selesai satu kitaran haid penuh selepas anda menghentikan rawatan Paxlovid.

Sila beritahu doktor anda sekiranya anda mengambil pil kontraseptif oral kerana anda mungkin perlu melaksanakan langkah berjaga-jaga tambahan untuk mencegah kehamilan, contohnya menggunakan kondom.

Jika anda sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan anak, sila maklumkan perkara tersebut kepada pembekal penjagaan kesihatan anda sebelum anda mengambil ubat ini. Penyusuan susu ibu tidak disyorkan semasa rawatan dan selama 7 hari selepas dos terakhir Paxlovid kerana tidak diketahui sama ada Paxlovid akan diserap ke dalam susu ibu dan seterusnya masuk ke dalam badan bayi.

Tindak balas alahan

Tindak balas alahan yang teruk (dikenali sebagai '*anaphylaxis*') boleh berlaku pada orang yang mengambil Paxlovid, walaupun hanya selepas 1 dos. Hentikan pengambilan Paxlovid dan hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala tindak balas alahan berikut:

- kesukaran menelan atau bernafas
- Bengkak pada lidah, mulut dan muka

- rasa tercekik dalam tekak
- suara serak
- kemerahan dan kesakitan kulit
- kulit melepuh dan mengelupas
- lepuh atau luka di mulut atau bibir

Risiko berlakunya kerintangan HIV-1

Rawatan Paxlovid boleh mengurangkan keberkesaan ubat-ubat yang digunakan untuk merawat HIV.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat ubat lain yang mungkin tidak boleh diambil bersama Paxlovid. Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil, baru-baru ini pernah mengambil atau mungkin mengambil apa-apa ubat lain, termasuk ubat preskripsi dan ubat tanpa preskripsi, vitamin dan suplemen herba.

Secara khususnya, anda hendaklah memaklumkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat berikut:

- Ubat-ubat di atas yang boleh menyebabkan kesan sampingan serius atau mengancam nyawa atau menjelaskan mekanisme tindakan Paxlovid (sila rujuk bahagian *Bila tidak boleh menggunakan*)
- ubat yang digunakan untuk merawat gejala pembengkakan prostat, contohnya alfuzosin, tamsulosin
- ubat yang digunakan untuk merawat masalah kurang daya tumpuan, contohnya derivatif amphetamine seperti methylphenidate dan dexamfetamine
- ubat yang digunakan untuk merawat kesakitan yang

PAXLOVID FILM COATED TABLET

Nirmatrelvir 150 mg and Ritonavir 100 mg

- teruk, contohnya morphine, fentanyl, hydrocodone, oxycodone, meperidine, methadone, buprenorphine, norbuprenorphine dan ubat lain yang serupa dengan morphine
- ubat yang digunakan untuk merawat penyakit jantung dan menangani degupan jantung yang tidak teratur, contohnya digoxin dan disopyramide
- ubat yang digunakan untuk merawat kanser, contohnya afatinib, abemaciclib, apalutamide, ceritinib, dasatinib, nilotinib, vinceristine, vinblastine, encorafenib, fostamatinib, ibrutinib, ivosidenib
- ubat yang digunakan untuk mencairkan darah (anticoagulant), contohnya warfarin, rivaroxaban, vorapaxar, apixaban dan dabigatran
- ubat yang digunakan untuk merawat sawan, contohnya divalproex dan lamotrigine
- ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan, contohnya amitriptyline, fluoxetine, imipramine, nortriptyline, paroxetine, sertraline dan desipramine, trazodone
- ubat antialahan (contohnya fexofenadine dan loratadine)
- ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan kulat (antikulat), contohnya ketoconazole, itraconazole, voriconazole
- ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria seperti antibiotik dan antimikobakteria, contohnya atovaquone, clarithromycin, erythromycin, bedaquiline, rifabutin, delamanid, rifapentine dan sulfamethoxazole/trimethoprim
- ubat untuk merawat jangkitan HIV, contohnya atazanavir, darunavir, efavirenz, maraviroc, zidovudine. Rawatan Paxlovid mungkin mengurangkan keberkesanan ubat-ubat yang digunakan untuk merawat HIV.
- ubat yang digunakan untuk merawat gangguan mental atau mood, contohnya clozapine, haloperidol, risperidone dan thioridazine
- ubat yang digunakan untuk merawat asma dan masalah lain berkaitan paru-paru seperti *chronic obstructive pulmonary disease* (COPD), contohnya salmeterol dan theophylline
- ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (*hypertension*), contohnya amlodipine, diltiazem, nifedipine, verapamil dan aliskiren
- ubat yang digunakan untuk mencegah darah beku, contohnya ticagrelor, vorapaxar, clopidogrel dan cilostazol
- kortikosteroid yang digunakan untuk merawat keradangan, contohnya betamethasone, budesonide, ciclesonide, dexamethasone, fluticasone, methylprednisolone, mometasone, prednisolone dan triamcinolone
- ubat yang digunakan untuk merawat *cystic fibrosis*, contohnya ivacaftor, elexacaftor/tezacaftor/ivacaftor atau tezacaftor/ivacaftor
- ubat yang digunakan untuk merawat *diabetes*, contohnya saxagliptin
- ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi di dalam pembuluh darah ke paru-paru,
- contohnya bosentan dan riociguat
- ubat antivirus yang digunakan untuk merawat jangkitan virus hepatitis C, contohnya glecaprevir/pibrentasvir
- kontraseptif oral atau pelekat yang mengandungi ethinylestradiol untuk mencegah kehamilan: kaedah penghalang atau kaedah kontraseptif bukan hormon perlu digunakan sepanjang 5 hari rawatan Paxlovid dan sehingga satu kitaran haid selepas rawatan Paxlovid dihentikan
- ubat yang digunakan untuk menindas sistem imun anda, contohnya cyclosporine, tacrolimus, everolimus dan sirolimus.
- ubat yang digunakan untuk merawat keradangan artritis, contohnya tofacitinib dan upadacitinib
- ubat yang digunakan untuk mengurangkan tahap kolesterol dalam darah, contohnya atorvastatin, fluvastatin, pravastatin dan rosuvastatin
- ubat yang digunakan untuk merawat sakit kepala migrain, contohnya rimegepant
- ubat untuk merawat pundi kencing yang terlalu aktif, contohnya darifenacin
- ubat yang digunakan untuk merawat gangguan mental, contohnya suvorexant, aripiprazole, brexpiprazole, cariprazine, iloperidone, lumateperone dan pimavanserin
- ubat yang digunakan untuk merawat *erectile dysfunction* (juga dikenali sebagai mati pucuk), contohnya sildenafil dan tadalafil
- ubat yang digunakan untuk merawat tekanan darah

PAXLOVID FILM COATED TABLET

Nirmatrelvir 150 mg and Ritonavir 100 mg

- tinggi di dalam pembuluh darah ke paru-paru, contohnya tadalafil (Adcirca®), bosentan dan riociguat
- ubat yang digunakan sebagai sedatif, hipnotik dan ubat tidur, contohnya alprazolam, buspirone, clonazepam, clorazepate, diazepam, estazolam, flurazepam dan zolpidem
- ubat yang digunakan untuk berhenti merokok (contohnya bupropion)
- midazolam yang diberikan melalui suntikan (digunakan untuk sedasi [pesakit dalam keadaan jaga tetapi berasa sangat tenang atau mengantuk semasa menjalani ujian atau prosedur perubatan] atau anestesia)
- levothyroxine (digunakan untuk merawat kelenjar tiroid kurang aktif [*hypothyroidism*])

Cara menggunakan Paxlovid

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

Paxlovid terdiri daripada 2 jenis ubat: nirmatrelvir dan ritonavir. Dos yang disyorkan ialah 2 tablet nirmatrelvir bersama 1 tablet ritonavir melalui mulut dua kali sehari (pagi dan malam). Kepingan blister untuk setiap hari rawatan diasangkan kepada dua bahagian dengan warna berlainan untuk menunjukkan tablet yang perlu diambil pada masa tertentu – satu permukaan adalah untuk dos pagi (AM) manakala sebelah lagi adalah untuk dos malam (PM).

Untuk setiap dos, ambil kesemua 3 tablet secara serentak.

- Bila perlu digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Paxlovid boleh diambil bersama makanan atau dengan perut kosong.

Telan keseluruhan tablet. Jangan kunyah, potong atau hancurkan tablet.

- Berapa lama perlu digunakan

Satu kitaran rawatan mengambil masa 5 hari.

Penting bagi anda untuk mengambil Paxlovid sepertimana yang ditetapkan, melainkan doktor anda meminta anda menghentikan rawatan anda.

Walaupun anda berasa lebih sihat, jangan berhenti mengambil Paxlovid tanpa berbincang dengan pembekal penjagaan kesihatan anda.

Jika anda mempunyai pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda mengenai perkara yang perlu anda lakukan sekiranya anda terlupa menggunakanannya.

Jika anda terlupa mengambil dos Paxlovid, ambil dos itu sebaik sahaja anda teringat. Jika lebih 8 jam sudah berlalu sejak anda terlepas dos, jangan ambil dos yang terlepas itu dan abaikan dos yang tertinggal dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat sekiranya anda atau sesiapa sahaja mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Jika anda telah mengambil terlalu banyak ubat ini, anda disyorkan supaya menjalani pemantauan untuk mengesan sebarang tanda dan gejala kesan sampingan.

Semasa menggunakan Paxlovid

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda dengan teliti.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Paxlovid.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan ambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Paxlovid dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

PAXLOVID FILM COATED TABLET

Nirmatrelvir 150 mg and Ritonavir 100 mg

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu atau menggunakan jentera

Paxlovid belum diuji secara khusus untuk mengetahui kesannya terhadap keupayaan memandu kereta atau mengendalikan jentera.

Kesan-selingan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan selingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Tidak ramai orang yang telah mengambil Paxlovid. Kesan selingan yang serius dan tidak dijangka mungkin akan berlaku. Paxlovid masih lagi dikaji, jadi tidak semua risiko yang berkemungkinan berlaku diketahui buat masa ini.

Kesan selingan yang biasa: mungkin menjelaskan hingga 1 dalam setiap 10 orang

- Cirit-birit
- Loya
- Deria rasa berubah
- Sakit kepala

Kesan selingan yang tidak biasa: mungkin menjelaskan hingga 1 dalam setiap 100 orang

- Tindak balas alahan (seperti geligata, kesukaran menelan atau bernafas, bengkak pada mulut, bibir atau muka, rasa tercekik dalam tekan, suara serak atau ruam kulit)
- Sakit abdomen
- Muntah
- Tekanan darah tinggi

Kesan selingan yang jarang berlaku: mungkin menjelaskan hingga 1 dalam setiap 1,000 orang

- Tindak balas alahan yang teruk iaitu ‘*anaphylaxis*’ (seperti bengkak lidah, mulut dan muka, kesukaran menelan atau bernafas, rasa tercekik dalam tekan atau

- suara serak)
- Tindak balas kulit yang serius yang dikenali sebagai “nekrolisis epidermal toksik” dan “sindrom Stevens-Johnson” (seperti kemerahan dan kesakitan kulit, kulit melepuh dan mengelupas, lepuh atau luka di mulut atau bibir)
- Secara amnya berasa tidak sihat

Jika mana-mana kesan selingan menjadi semakin serius, atau jika anda mendapati sebarang kesan selingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor anda atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan selingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Paxlovid

- Penyimpanan

Jauhkan ubat ini daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.
Simpan pada suhu bawah 25°C.
Jangan simpan di dalam peti sejuk atau peti sejuk beku.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak atau kad blister selepas perkataan ‘EXP’. Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bagi bulan itu.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda tentang cara melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini dapat

membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet Paxlovid tersedia dalam kad blister yang mengandungi 5 dos harian dengan sejumlah 30 tablet dalam satu kotak.

Setiap kad blister mengandungi 4 tablet nirmatrelvir (150 mg setiap satu) dan 2 tablet ritonavir (100 mg setiap satu) dengan petunjuk mengenai tablet yang perlu diambil pada waktu pagi dan malam.

Tablet bersalut filem nirmatrelvir 150 mg berwarna merah jambu, berbentuk bujur dan dicetak tenggelam dengan perkataan ‘PFE’ pada satu permukaan dan ‘3CL’ pada permukaan yang satu lagi.

Tablet bersalut filem Ritonavir 100 mg berwarna putih hingga putih pudar, berbentuk kapsul dan dicetak tenggelam dengan huruf ‘H’ pada satu permukaan dan ‘R9’ pada permukaan yang satu lagi.

*Bukan semua saiz bungkusan dipasarkan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Bahan aktif untuk tablet bersalut filem Paxlovid ialah nirmatrelvir dan ritonavir.
 - Setiap tablet bersalut filem nirmatrelvir berwarna merah jambu mengandungi 150 mg nirmatrelvir.
 - Setiap tablet bersalut filem ritonavir berwarna putih mengandungi 100 mg ritonavir.

- Bahan tidak aktif
 - Nirmatrelvir
 - Teras tablet:
 - Microcrystalline cellulose
 - Lactose monohydrate

PAXLOVID FILM COATED TABLET

Nirmatrelvir 150 mg and Ritonavir 100 mg

- Croscarmellose sodium	Newbridge, Ireland (IRL)
- Colloidal silicon dioxide	
- Sodium stearyl fumarate	
	Ritonavir:
- Salutan filem:	
- Hypromellose (E464)	M/s. Hetero Labs Limited, Unit-III,
- Titanium dioxide (E171)	22-110,
- Macrogol (E1521)	Industrial Development Area,
- Iron oxide red (E172)	Jeedimetla,
	Hyderabad-500055, Telangana, India
- <u>Ritonavir</u>	
- Teras tablet:	Pemegang Pendaftaran Produk
- Copovidone	Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd
- Sorbitan laurate	Level 10 & 11
- Silica colloidal anhydrous	Wisma Averis, Tower 2
(E551)	Avenue 5, Bangsar South
- Calcium hydrogen	No. 8, Jalan Kerinchi
phosphate anhydrous	59200 Kuala Lumpur, Malaysia
- Sodium stearyl fumarate	
- Salutan filem:	Tarikh Kemaskini RiMUP
- Hypromellose (E464)	08/10/2024
- Titanium dioxide (E171)	
- Macrogol (E1521)	
- Hydroxypropyl cellulose	Nombor Siri
(E463)	NPRA (R1/3) 30092024/184
- Talc (E553b)	
- Silica, colloidal anhydrous	PLD-PAXLOVID-1024
(E551)	
- Polysorbate 80 (E433)	

- Nombor MAL:

Paxlovid (tablet bersalut filem
nirmatrelvir 150 mg dan tablet
bersalut filem ritonavir 100 mg)
MAL22036001ACRZ (Pfizer
Manufacturing Deutschland
GmbH)
MAL22036002ACRSZ (Pfizer
Ireland Pharmaceuticals)

Pengilang

Nirmatrelvir:

Pfizer Manufacturing Deutschland
GmbH
Mooswaldallee 1
79108 Freiburg Im Breisgau
Germany

Pfizer Ireland Pharmaceuticals
Little Connell